

**Najib penuhi permintaan penduduk  
Utusan Online  
01 May, 2013**

BUKIT MERTA JAM 30 April - Datuk Seri Najib Tun Razak bersetuju memenuhi permintaan penduduk di sini untuk memindahkan Depot Tahanan Warga Asing di Juru ke satu kawasan lain yang akan ditetapkan.

Perdana Menteri berkata, langkah itu diharap akan memberi kelegaan kepada kira-kira 15,000 penduduk sekitar dan 900 murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina True Light.

Atas permintaan Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Teng Chang Yeow, saya setuju untuk pindahkan depot tahanan ini ke tempat lain.

"Mudah-mudahan penduduk di kawasan ini akan rasa lega bila keputusan ini dilaksanakan nanti," katanya ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Tapak Pasar Malam Perkampungan Juru di sini hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130501/px\\_14/Najib-penuhi-permintaan-penduduk#ixzz2ZoJ9AOoM](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130501/px_14/Najib-penuhi-permintaan-penduduk#ixzz2ZoJ9AOoM)